

NAMA:

1. (No. K/P:)
2. (No. K/P:)

ROKOK DAN REMAJA

_____ : Ayam berkokok atas batang,
banyak penyakit datang.

Pantun dua kerat ini amat bersesuaian dengan isu yang akan kami bincangkan sebentar lagi. Assalamualaikum saya ucapkan kepada guru bahasa Melayu kami _____. Saya _____ bersama rakan saya _____ dan _____ akan membincangkan isu merokok dalam kalangan remaja. Macapada, kita dapat melihat anak-anak remaja yang merokok di mana-mana sahaja kita pergi. Perlakuan merokok ini sudah menjadi satu trend gaya hidup masa kini. Remaja mulai merokok apabila usianya menginjak belasan tahun. Pada pandangan _____, apakah faktor yang menyebabkan remaja merokok

_____ : Pada pandangan saya remaja merokok kerana, Pengaruh kawan ajakan kawan. Remaja lebih banyak meluangkan masa lapang dengan rakan-rakan. Bukanlah sesuatu yang mustahil jika mereka akan terpengaruh dengan tingkah laku rakan-rakan. Ada juga mereka yang terpaksa merokok demi menyertai sesuatu kumpulan remaja. Jika tidak, dia akan disingkirkan.

_____ : Perasaan ingin mencuba yang berkobar-kobar, remaja yang berdarah muda fikiran belum matang dan tidak memikirkan kesan pada kemudian hari. Mereka hanya mahu bersero nok sahaja. Bagi mereka, merokok akan menjadikan mereka lebih dewasa. Remaja kini memang mahu cepat dewasa. Mereka ingin melakukan semua perkara yang dilakukan oleh orang dewasa.

_____ : Selain faktor rakan sebaya dan diri sendiri, ibu bapa juga patut dipersalahkan. Ibu bapa merokok juga mempengaruhi anak-anak. Ada ibu bapa yang marah apabila anaknya merokok tetapi mereka juga melakukannya seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul. Merokok bukan mendatangkan faedah. Ada orang berpendapat, merokok dapat menghilangkan tekanan dan berasa mengatuk. Namun begitu, merokok lebih banyak memberi implikasi negatif kepada diri seorang. Bolehkah anda menjelaskan kesan-kesan merokok ini _____?

_____ : Kita sedia maklum bahawa merokok akan menjejaskan ke sihatan perokok dan orang di sekelilingnya. Menurut kajian perubatan, rokok didapati mengandungi lebih 4000 jenis bahan kimia termasuk racun dan bahan penyebab kanser. Perokok terdedah kepada pelbagai penyakit yang membawa maut terutama yang melibatkan paru-paru kita 90% kes kanser paru-paru, 75% kes kerosakan paru-paru, 25% kes sakit jantung dan dapat menyebabkan kemandulan. Orang di sekeliling juga lebih besar risiko menghadapi penyakit kerana menyedut asap rokok tanpa sebarang tapisan. Bayangkan jika seorang bapa menghisap rokok sambil mendukung bayi. Apakah yang akan berlaku kepada anaknya jika keadaan ini sentiasa dilakukan?

_____ : Saya bersetuju dengan penjelasan anda itu. Bagi remaja pula, kajian menunjukkan bahawa golongan penagih dadah pada awalnya hanya suka-suka menghisap rokok, kemudian mencuba dadah yang ringan seperti ganja. Jika keadaan ini berterusan, tidak mustahil remaja akan menjadi penagih tegar. Bagai irama dan lagu tidak dapat dipisah dengan dadah.

Keadaan ini amat merugikan negara. Negara akan kehilangan tenaga muda-mudi yang masih kembang lagi.

- _____ : Selain itu juga tabiat ini tiada untungnya. Merokok umpama kita membakar wang. Jika kita membaca, kita akan mendapat ilmu. Jika merokok apa yang kita dapat?
- _____ : Penyakitlah.
- _____ : Remaja yang merokok akan ketagihan. Jika tidak merokok mereka akan merasa gelisah seperti hidup tidak sempurna. Kemungkinan besar, remaja akan mencuri wang ibu bapa untuk membeli rokok.
- _____ : Saya berpendapat, terdapat remaja yang mempunyai kesedaran untuk berhenti merokok. apa yang berlaku sekarang, rakan-rakan terus mempengaruhi perokok yang baharu bercita-cita mahu berhenti merokok. mereka tetap menghulurkan sebatang rokok kepada rakannya.
- _____ : _____, kadangkala perokok ini mempunyai tabiat yang menjelikan mata memandang.
- _____ : Mengapakah anda berkata begitu?
- _____ : Perokok biasanya akan membuang puntung rokok di merata-rata tempat tanpa memikirkan bahayanya jika puntung itu masih menyala. Terdapat segelintir perokok mero kok di tempat larangan merokok seperti di sekolah dan hospital.
- _____ : Pada pandangan saya, perokok beranggapan bahawa sepuntung rokok itu kecil sahaja dan tidak akan menjejaskan pemandangan sesuatu kawasan. Mereka tidak pernah berfikir pula, apakah yang akan terjadi jika beribu-beribu perokok berfikiran begitu?
- _____ : Saya setuju dengan anda. Oleh itu, apakah langkah yang efektif untuk menangani masalah merokok dalam kalangan remaja ini? Kita harus mengambil tindakan dengan cepat.
- _____ : Pada pendapat saya, mencegah lebih baik daripada mengubati. Cukai rokok hendaklah dinaikkan berlipat ganda supaya remaja tidak mampu untuk membelinya. Selain itu, penjualan rokok secara batang dilarang. Kerajaan juga melarang rokok dijual kepada mereka yang berusia 18 tahun ke bawah dan mendenda peniaga yang menjualnya kepada remaja ini.
- _____ : Benarkah sekolah juga menetapkan peraturan yang ketat terhadap pelajar yang merokok? Pemantauan yang kerap di kawasan yang berpotensi untuk merokok seperti di tandas dan di belakang sekolah membantu kita menangani masalah ini. Ibu bapa juga perlu prihatin terhadap tingkah laku anak mereka. Perokok biasanya gelisah jika tidak merokok selepas makan. Hal ini demikian kerana pendidikan bermula di rumah.
- _____ : Kerjasama daripada semua pihak amat penting bagi menangani masalah ini.
- _____ : Saya setuju dengan pendapat anda. Banyak input yang berfaedah dapat dikongsi menerusi perbincangan ini. Sekianlah sahaja perbincangan kami pada hari ini.